

KERATAN AKHBAR

AKHBAR	: SINAR HARIAN		
TARIKH	: 21/12/2019	MUKA SURAT	: 30
JABATAN	: SPAN		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

SPAN taja 2,280 pili cekap air di masjid, rumah B40 seluruh negara

KUANTAN - Sejumlah 2,280 pili air konvensional di masjid utama dan rumah golongan B40 terpilih di negara ini akan ditukar kepada pili cekap air membabitkan kos RM114,000.

Pengarah Kanan Bahagian Operasi Wilayah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Ir Mohd Jalaludin berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 1,000 pili di 10 masjid telah ditukar iaitu di Kelantan, Terengganu, Pahang, Negeri Sembilan, Kedah, Kuala Lumpur dan Selangor.

Bagi rumah golongan B40 pula menurutnya, sebanyak 176 di kawasan Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Sungai Pandan, di sini telah ditukar sementara bakinya akan dilaksanakan januari depan.

"Inisiatif ini dibuat bagi tujuan memperkenalkan Skim Pelabuan Produk Cekap Air (SPCA) yang mampu memberikan penjimatan sehingga 70 peratus penggunaan air.



Ir Mohd Jalaludin (dua dari kanan) menyampalakan sekamplit beras sempena program Khidmat Masyarakat SPAN di Masjid Sultan Ahmad Shah 1 semalam.

"Menggunakan pili cekap air di bawah label SPPCA tiga bintang, air yang dikeluarkan hanya 1.5 hingga 4 liter berbanding 8 hingga 10 liter untuk pili konvensional bagi tempoh sama. Malah, tiada isu air perlahan kerana air tetap keluar laju seperti biasa.

"Selain 10 masjid ini, SPAN juga merancang untuk menukar kesemua pili di semua masjid utama



Penggunaan Pili Cekap Air menjana penjinmatan sehingga 70 peratus.

Mohd Fazil Ismail.

Mohd Fazil berkata, selain masjid negeri, turut mendapat manfaat menerusi program khidmat masyarakat pili percuma ini ialah 880 rumah golongan B40 seluruh negara.

"Bagi program pemasangan di rumah-rumah ini, kita akan bekerjasama dengan operator air setiap negeri yang mana SPAN akan membuat edaran satu kamplit beras bagi

setiap rumah yang terpilih," katanya.

SPAN juga telah menganjurkan seminar berkaitan SPPCA melibatkan penggiat industri di kawasan Perindustrian Gebeng dan Malaysia Chi-na Kuantan Industrial Park (MCKIP) berkenaan penggunaan produk cekap air bagi membantu mengatasi isu kekurangan bekalan air di kawasan itu pagi semalam.

